

UMS terus tawar bahasa Kadazandusun

KUALA LUMPUR: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan terus menawarkan pembelajaran bahasa Kadazandusun di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa di universiti itu dan tidak bercadang menghapuskannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Datuk Mahadzir Mohd Khir berkata, pembelajaran bahasa itu yang diperkenalkan sejak 1999, menjadikan UMS sebagai institusi pengajian tinggi awam pertama untuk menawarkan kursus bahasa Kadazandusun di negara ini.

Menjawab soalan Wilfred Madius Tangau (BN-Tuaran), beliau berkata,

jumlah penuntut yang mengikuti pembelajaran bahasa Kadazandusun itu ialah 33 orang bagi sesi 1999/2000, 76 (2000/2001), 56 (2001/2002) dan tiada penyertaan bagi sesi 2002/2003.

"Bagaimanapun UMS masih terus menawarkannya pada 2003/2004 kepada pelajar baru dan terbuka kepada semua pelajar yang ingin mempelajari bahasa etnik," katanya.

Beliau berkata, Sekolah Penataran Ilmu dan Bahasa UMS juga menawarkan pembelajaran bahasa asing lain termasuk bahasa Jepun, Arab, Perancis, Mandarin dan Sepanyol.- Bernama